

TUGU PERINGATAN MALAYSIA, KOTA KINABALU, SABAH

Malaysia Monument, Kota Kinabalu, Sabah

Fendi Tunai Yahya¹

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹fenditunaiyahya@gmail.com

Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Warisan budaya, khasnya warisan yang berunsurkan tinggalan tapak monumen merupakan sebuah warisan yang amat signifikan dan bermakna buat masyarakat yang mengamatinya. Hal ini kerana binaan-binaan sedemikian merupakan satu tinggalan yang berupaya memainkan peranan ke arah memartabatkan nilai sesuatu etnisiti, kaum maupun bangsa. Selain berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosial dan ekonomi, warisan budaya juga berpotensi diangkat sebagai lambang dan identiti sebuah nasion. Objektif kajian secara dasarnya akan tertumpu kepada usaha mengetengahkan tapak warisan sebagai prospek pelancongan, di samping meneliti isu dan cabaran, serta cadangan dalam usaha pemantapan tapak warisan dari aspek perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan sebagai inisiatif penambahbaikan pada masa hadapan. Kaedah kajian akan sepenuhnya akan menggunakan pendekatan kualitatif, dengan melakukan referensi terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjayakan kajian.

Kata Kunci: Warisan budaya, Tugu Peringatan Malaysia, Sabah

Abstract

The cultural heritage, especially the heritage that is characterized by the remains of monument sites, is a very significant and meaningful heritage for the community that observes it. This is because such structures are a legacy that is playing a role in dignifying the value of a particular ethnicity, community, or nation. In addition to serving as a catalyst for social and economic development, cultural heritage also has the potential to be elevated as a symbol and identity of a nation. The

research objective will mainly focus on efforts to highlight heritage sites as tourism prospects, as well as examining issues and challenges, and proposals in efforts to strengthen heritage sites from the aspects of protection, restoration, and preservation as an improvement initiative in the future. The research method will fully utilize a qualitative approach, by referring to primary and secondary sources to ensure the success of the study.

Keywords: Cultural Heritage, Malaysiam Monument, Sabah

Pengenalan

Kota Kinabalu yang mencapai status bandar raya pada tahun 2000. Terletak pada latitud 5.983° dan longitud 116.07° di pantai barat negeri Sabah, dengan keluasan kira-kira 351 kilometer persegi. Dari keseluruhan keluasan pembangunan di Kota Kinabalu pada setakat tahun 2005, lebih 50% masih lagi terdiri dari kawasan hutan, di samping 20% digunakan untuk tujuan infrastruktur, 12% untuk tujuan perniagaan, 10% untuk tujuan kediaman dan perumahan, 7% bagi fungsi kemudahan awam dan baki 1% lagi digunakan sebagai kawasan perindustrian (*Ensiklopedia Dunia*, 2005: 456). Seperti di Semenanjung Malaysia, Sabah juga mempunyai warisan kebudayaan dalam konteks warisan bina bandar yang banyak, namun semakin terhad bilangannya. Salah satu warisan yang dimaksudkan ialah Tugu Peringatan Malaysia, sebuah monumen yang dibina sebagai memperingati partisipasi Sabah di samping Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu, dan Singapura untuk membentuk sebuah persekutuan yang dinamai Malaysia pada tahun 1963 (Zainuddin, 2014; Zainuddin, 2018: 122). Terletak di Lintasan Deasoka yang hanya bersebelahan dengan pejabat Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu (DBKK) di Pusat Bandar Raya Kota Kinabalu, masyarakat yang terdiri daripada rakyat tempatan mahupun pelancong tempatan mampu menyaksikannya secara terbuka, baik pada waktu siang mahupun malam.

Melihat kepada signifikan historikal pembinaan monumen ini, sudah pasti akan membawa suatu nostalgia kembali ke tahun asal penubuhan Malaysia itu sendiri, iaitu pada sekitar tahun 1963. Biarpun pada dasarnya pembentukan Malaysia itu dinilai pada prosesnya yang berjalan dengan aman melalui pelbagai siri rundingan dan libat sama pelbagai pihak dari wilayah-wilayah yang terlibat (Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura), namun pada hakikatnya masih

Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600

terdapat ancaman politik dan ketenteraan dari luar seperti Indonesia dan Filipina, di samping tidak menafikan ancaman-ancaman dalam yang wujud di sekitar wilayah-wilayah pembentukan Malaysia itu sendiri (Stockwell, 2004: 585-686; Bala, 2018). Oleh yang demikian, pembinaan tugu ini adalah sesuai sebagai tanda ingatan kepada pengorbanan ramai pihak, daripada pemimpin-pemimpin politik sehingga kepada masyarakat tempatan itu sendiri dalam merealisasikan gagasan pembentukan Malaysia sehingga mencapai kejayaan. Sudah tentu pada akhirnya, kejayaan tersebut harus sampai ke setiap sanubari masyarakat kini sebagai usaha meningkatkan nilai apresiasi mereka terhadap sejarah dan kedaulatan negeri Sabah yang perlu dimartabat dan dipertahankan.

Selain daripada peningkatan nilai edukasi dan apresiasi masyarakat terhadap fakta sejarah di sebalik binaan Tugu Peringatan Malaysia ini, usaha terhadap perlindungan, pemuliharaan, pemeliharaan dan promosi pelancongan kebudayaan juga perlu dijalankan di tapak warisan ini. Sejak usaha pembangunan negeri yang dijalankan sejak sebelum tahun 1963 sehingga kini, sedikit sebanyak telah menggabungkan ciri-ciri lama dan baharu pada bandar raya ini. Ini dapat dilihat pada pembinaan bangunan-bangunan moden di samping pengekalan beberapa tapak bersejarah sekitar seperti Padang Merdeka, Jalan Gaya, Menara Jam Atkinson, termasuklah Tugu Peringatan Malaysia (Zainuddin & Bala, 2021). Di sebalik tindakan-tindakan tersebut, sudah pasti terdapat pelbagai isu dan cabaran yang timbul dalam usaha pengekalan tapak warisan, khususnya tapak warisan di Tugu Peringatan Malaysia ini.

Sejarah Kota Kinabalu

Kota Kinabalu, yang dahulunya lebih sinonim dengan nama Jesselton kini merupakan sebuah bandar raya dan ibu negeri di Sabah. Jesselton yang dijadikan sebagai ibu kota bagi pentadbiran *British North Borneo* telahpun bermula pasca Perang Dunia Kedua (1939-1945), merupakan lokasi yang strategik dengan kedalaman air laut yang sesuai untuk tujuan pelabuhan, di samping merupakan suatu kawasan yang sesuai di antara laluan kapal yang berlayar antara benua Eropah dengan China, Filipina, sehingga ke Jepun. Pada masa yang sama, lokasi Jesselton juga difikirkan sesuai berdasarkan potensinya sebagai pelabuhan bagi kawasan-kawasan pedalaman. Ini akan membawa kepada pembinaan

landasan kereta api yang menghubungkan antara Jesselton dengan kawasan-kawasan pedalaman lain. Hakikatnya, pelan menjadikan Jesselton sebagai pusat pentadbiran dan perdagangan bagi *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) telahpun bermula sejak tahun 1899 lagi (*Encyclopedia Britannica*, 2010; Zainuddin & Bala, 2021: 6-8).

Pada peringkat awal pembukaan kawasan Jesselton sebagai kawasan pentadbiran dan pelabuhan, ia telah dipertanggungjawabkan di bawah kelolaan pentadbiran daerah Keppel dan Henry Stanhope Hayes (Danny Wong Tze Ken, 2004: 20). Pada penghujung tahun 1900-an, barulah Francis George Atkinson telah dilantik sebagai pegawai daerah bagi menggantikan Hayes. Pentadbiran awal di Jesselton tidaklah sepenuhnya dikuasai oleh British, apabila terdapat juga wakil peribumi yang dilantik di situ, iaitu OKK Mohd. Hassan yang ketika itu merupakan Ketua Gred 1, juga turut terlibat di dalam Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri. Jesselton dalam pada itu telah dibangunkan berdasarkan pelan pembangunan menerusi kaedah pelan susun guna tanah. Ini amatlah sesuai dengan perancangan awal BNBCC yang mengetengahkan kemudahan perhubungan (pelabuhan dan landasan kereta api) di samping pembinaan bangunan-bangunan di sekitar Jesselton itu sendiri (Zainuddin & Bala, 2021: 8).

Lanjutan daripada perkara di atas, pihak BNBCC telah menyediakan Laporan Perancangan Bandar pada tahun 1927 kepada Gabenor Borneo Utara. Melalui pelaporan tersebut, terdapat tiga pelan utama telah digariskan iaitu sebagai mana menurut Abdul Samad Hadi (1990: 30-31):

- i. Pelan A: Menunjukkan kawasan bandar dan rekomendasi peningkatan lanjutan kawasan tersebut seperti mana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancangan Bandar.
- ii. Pelan B: Menunjukkan kawasan cadangan tersebut.
- iii. Pelan C: Menunjukkan aliran pembangunan dalaman bandar.

Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600



Foto 1: Bandar Jesselton pada tahun 1903

Sumber: Danny Wong Tze Ken (2004: viii)

Pada tahun 1902, sebuah *Sanitary Board* telah diwujudkan dan sekali gus mentadbir Jesselton pada sekitar tahun 1931 (King Chung Aik, 1992: 75). Peranan lembaga tersebut adalah hampir serupa dengan bidang kuasa yang diberikan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada hari ini, yang antara lainnya berfungsi di dalam pengawalseliaan kebersihan dan keceriaan. Ini merangkumi beberapa aspek seperti pananaman dan penjagaan pokok dan landskap, pemantauan dan pembersihan terhadap tandas-tandas awam, tong-tong sampah dan takungan najis, serta kawalan terhadap perigi, tangka dan sumber air (Zainuddin & Bala, 2021: 10). Menjelang tahun 1935, kemajuan Jesselton dari sudut utiliti, pembangunan dan pengangkutan sudahpun mulai kelihatan. Kemajuan-kemajuan seperti ini menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi yang jauh lebih baik, dengan taraf hidup masyarakat setempat telah diperbaiki serta menggalakkan aktiviti perniagaan dan perdagangan di kota tersebut.

Pasca Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun di Jesselton telah menyebabkan kerosakan hampir sepenuhnya pada infrastruktur dan bangunan. Akhirnya pada 5 Julai 1946, Borneo Utara (termasuk Jesselton) dan Labuan terpaksa diserahkan kepada British untuk dijadikan sebagai *crown colony* bagi mengurangkan beban kewangan akibat kemusnahan dalam semua aspek. Pada rekod Cecilia Leong (1982: 187), laporan yang dikemukakan oleh British menunjukkan lebih

Fendi Tunai Yahya

daripada 800 buah bangunan yang ada di Borneo Utara dan Labuan, 614 buah daripadanya telah musnah, dan 266 buah lagi mengalami tahap kerosakan yang kritikal.




Foto 2: Bandar Jesselton pada tahun 1937

Sumber: Johan M. Padasian (1981)



Foto 3: Kemusnahan Jesselton pada tahun 1945

Sumber: Australia War Memorial (t. th.)

Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600



Foto 4: Jesselton pada tahun 1961

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia (t. th.)



Foto 5: Kota Kinabalu pada tahun 2015

Sumber: Asnida Riani (2015)

Hakikatnya, kadar pembangunan di Jesselton tampak lebih pantas pada pasca Perang Dunia Kedua. Beberapa peringkat pembangunan telah dilakukan, seperti pembangunan berbentuk transisi

dan sementara sehingga pada tahun 1949, pembinaan kekal (selepas tahun 1949), pelan pengezonan (1952-1963), dan pelan pengezonan jangka panjang (1963 sehingga seterusnya) (King Chung Aik, 1992; Zainuddin & Bala, 2021). Bahkan pasca penyertaan Sabah di dalam Malaysia pada tahun 1963, aktiviti perancangan bandar di Kota Kinabalu semakin rancak sehingga hari ini. Selepas penjenamaan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar raya pada tahun 1999, peningkatan infrastruktur dilihat sejajar dengan peningkatan kepadatan penduduk dari tahun ke tahun.

Justifikasi dan Kepentingan Tapak Warisan

Tugu Peringatan Malaysia didirikan oleh masyarakat sekitar Jesselton (kini dikenali sebagai Kota Kinabalu) sebagai memperingati berlakunya peristiwa pembentukan Malaysia pada tarikh 16 September 1963. Setakat kajian ini, usia monumen ini telahpun mencapai angka 59 tahun, sejajar dengan usia Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan. Dengan biaya pembinaan sebanyak \$11 000, tugu tersebut didirikan benar-benar di lokasi asal Deasoka (bertapak di Lorong Deasoka), sebuah kawasan terawal di Jesselton. Pembinaan tugu ini melalui masa-masa yang singkat, iaitu 20 hari sebelum tanggal 16 September 1963 dengan banyak persatuan mulai menjadi penaja, termasuklah *North Borneo Chinese Association* dan *Jesselton Chinese Chambers of Commerce* (*Daily Express*, 2022). Signifikan pemberian oleh komuniti Cina terhadap pembinaan Tugu Peringatan Malaysia memperlihatkan partisipasi mereka dalam meraikan Hari Malaysia bersama-sama dengan komuniti peribumi Sabah yang lain. Ini juga memperlihatkan sumbangan komuniti Cina terhadap pembangunan Jesselton pada ketika itu, khasnya dalam soal perniagaan dan perdagangan.

Dengan reka bentuk monumen yang diserahkan dengan motif seni bina yang sinonim dengan masyarakat Cina, Tugu Peringatan Malaysia berdiri dengan warnanya yang serba kelabu di samping tulisan teks rumi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, serta tulisan kaligrafi Cina sebagai translerasi kepada maksud yang sama dengan kedua-dua bahasa itu tadi. Sehingga hari ini, tugu ini diletakkan di bawah seliaan pihak DBKK dan dijangka akan diwartakan sebagai salah satu tapak warisan budaya di Sabah (Zainuddin, 2014: 120). Potensi Tugu Peringatan Malaysia sebagai prospek pelancongan warisan amatlah tinggi, memandangkan ia benar-benar terletak di kawasan lalu-lalang pejalan kaki dan lalu lintas kendaraan. Tidak setakat itu, lokasinya

Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600

juga berhampiran dengan tapak perniagaan Tamu Jalan Gaya yang beroperasi pada setiap pagi hujung minggu, selain daripada tapak perniagaan Pasar Malam Makanan Kota Kinabalu yang beroperasi pada setiap malam minggu. Akses ke tapak warisan ini amatlah mudah memandangkan ia tidak diletakkan sebarang pagar yang mengelilinginya.



Foto 6: Tugu Peringatan Malaysia, Kota Kinabalu

Isu dan Cabaran

Adalah menjadi suatu kelaziman dalam pengurusan sumber warisan apabila akan berlaku sesuatu isu dan cabaran yang menimpa kepada mana-mana tapak warisan bina. Ini bersandarkan kepada perkembangan ekonomi, politik dan fizikal yang berjalan seiring dengan masa. Demi mengejar pembangunan dan keuntungan ekonomi semata-mata, konsistensi terhadap usaha menjaga kepentingan warisan budaya khasnya warisan bina sering kali terpaksa dikesampingkan (Baszley Bee, 2009: 57). Dalam konteks Bandar Raya Kota Kinabalu yang mengalami transisi pembangunan daripada sebuah perkampungan atas air kepada sebuah pusat perdagangan yang utama di Sabah, sudah tentu tapak-tapak warisan bina yang wujud di sekitar bandar raya tersebut mengalami impak dan ancaman, sama ada ia datang dari faktor ejen

perosak (semula jadi atau tiruan) ataupun daripada faktor manusia itu sendiri.

Dalam kes Tugu Peringatan Malaysia, monumen ini juga tidak terlepas dari permasalahan yang berlaku. Direkodkan pada sekitar tahun 2018, plak peringatan yang terdapat pada tiang utama tugu tersebut pernah dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Foto 7). Bahkan, usaha untuk menggantikan semula plak peringatan tersebut oleh pihak pengurusan warisan yang bertanggungjawab juga mengambil masa yang amat lama (Zainuddin, 2018: 124). Tugu ini juga tidak diletakkan sebarang tanda pagar, menyebabkan tapak warisan tersebut mudah terdedah kepada pencerobohan dan kecenderungan kes kecurian yang berulang, ditambah dengan peningkatan risiko vandalisme oleh golongan yang memandang rendah akan perihal pentingnya tapak warisan ini.

Sehingga hari ini, bangunan dan struktur monumen ini juga berpotensi mengalami impak kerosakan (baik secara ejen semula jadi ataupun tiruan) daripada aktiviti sekeliling, seperti pembinaan bangunan-bangunan hotel dan perniagaan yang masih berjalan (setakat pada kajian ini), kewujudan stesen minyak dan aktiviti lalu lintas kenderaan. Tinjauan lapangan oleh pengkaji pada waktu tengah malam juga mendapati terdapat segelintir individu atau berkumpulan yang melakukan aktiviti sosial yang tidak bermoral, di samping terdapat juga individu yang disyaki gelandangan tidur di sekitar kawasan itu. Adalah lebih malang lagi apabila tindakan penguatkuasaan daripada pihak berwajib seperti rondaan sekitar kawasan tapak warisan ini tidak dilakukan dengan kerap, membolehkan risiko kerosakan pada kawasan tersebut semakin meningkat. Senario-senario yang berlaku ini menggambarkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan sumber warisan secara kolektif dan komprehensif amatlah menyedihkan, selain daripada ketiadaan pendedahan awal di peringkat edukasi dan kekurangan maklumat tentang perundangan berkaitan warisan (Yazid Salleh, 2010).

Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600



Foto 7: Plak peringatan yang pernah dicuri oleh individu tidak bertanggungjawab

Dalam konteks tapak warisan sebagai suatu potensi pelancongan warisan, Tugu Peringatan Malaysia sememangnya masih ketinggalan dari sudut itu. Maksud ketinggalan di sini bukanlah disebabkan oleh ketiadaan langsung para pelancong dan masyarakat ke kawasan tersebut. Tetapi, objektif dan ketersampaian maklumat mengenai latar belakang tapak warisan ini tidak dapat dicapai. Tamsilnya, komuniti yang berada di tapak tidak berupaya mendapatkan sebarang informasi yang mencukupi serta mampu menjelaskan asal usul dan sebab berdirinya monumen itu. Justeru, komuniti juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan informasi apabila tiada siapapun individu maupun perwakilan daripada unit atau jabatan organisasi pengurusan sumber warisan yang wujud secara terbuka dan mandiri. Malaysia sememangnya sebuah negara yang kaya dengan warisan-warisan sejarah perlu diangkat sebagai industri pelancongan yang berupaya menjana pendapatan melaluinya (Zuliskandar Ramli et. al., 2015: 472).

Kaedah Pengurusan Warisan yang Dilaksanakan

Secara prinsipnya, pendekatan dalam proses pengurusan warisan merangkumi empat perkara yang harus bergerak secara bersama. Proses tersebut ialah perlindungan, pemuliharaan, pemeliharaan dan pelancongan warisan bagi mana-mana tapak warisan budaya. Secara dasarnya, Tugu Peringatan Malaysia ini masih belum digazetkan sebagai

tapak warisan oleh mana-mana pihak sama ada di peringkat pusat ataupun negeri. Adapun, pihak yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan aspek konservasi dan pemeliharaan buat masa ini hanyalah di bahu Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu (DBKK) sahaja (Zainuddin, 2014). Sudah tentu sekiranya perkara ini kekal pada penyeliaan peringkat kerajaan tempatan dalam tempoh yang lama, tidak wujud sebarang jaminan yang signifikan terhadap kemaslahatan monumen bersejarah ini apabila autoriti pihak DBKK hanyalah signifikan pada tempoh jangka pendek sahaja dari sudut kawalan dan tindakan legalisasi berdasarkan kepada Seksyen 38(1) dan 49(1)(23) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Rang Undang-Undang Negeri Sabah, 1962).



Foto 8: Tugu Peringatan Malaysia yang benar-benar terletak bersebelahan dengan pejabat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)

Berbincang soal pemuliharaan, pihak DBKK sememangnya memainkan peranan dalam perkara ini. Di bawah tanggungjawab Jabatan Landskap DBKK, terdapat dua poin yang menunjukkan komitmen jabatan ini terhadap kelestarian tapak warisan; pertama, sebuah Garis Panduan Perancangan dan Senireka Landskap dirangka dan dijalankan dengan mengambil kira pemuliharaan tapak semula jadi dan kawasan bersejarah, kedua, membangun, menyelenggara dan memperindahkan tempat-tempat tumpuan di samping taman-taman awam (*Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu*, 2017). Biarpun perkara ini

Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600

dapatlah dinilai positif dari sudut perancangan polisi dan dasar semata-mata, aktiviti penaiktarafan dan pengindahan landskap di sepanjang Lorong Deasoka menampilkan reka bentuk dan infrastruktur monumen di Tugu Peringatan Malaysia masih kekal terpelihara daripada sebarang efek kemasuhan yang besar.

Sementara itu, aktiviti pemeliharaan juga dijalankan oleh pihak DBKK sebagai meminimumkan impak kerosakan pada Tugu Peringatan Malaysia. Dalam konteks ini, pemerhatian pengkaji di kawasan kajian mendapati bahawa struktur monumen tersebut tidak mengalami sebarang kesan retakan yang membimbangkan, di samping tahap keindahan dan keceriaannya yang berada pada tahap yang baik. Dengan makna yang lain, pengkaji tidak mendapati sebarang bentuk contengan, lumut dan sebarang bentuk kotoran yang lain akibat tindakan semula jadi mahupun tindakan manusia itu sendiri. Atas dasar ini, pengkaji mempercayai bahawa pihak DBKK dengan sedaya upaya yang baik untuk memelihara keindahan monumen itu.

Cadangan dan Langkah

Berikutan daripada diskusi yang dihuraikan pada dapatan 1 sehingga 3, pengkaji berpandangan bahawa wujud keperluan yang mustahak dalam mengangkat Tugu Peringatan Malaysia sebagai tapak warisan negeri, bahkan tapak warisan kebangsaan adalah sebaik-baik pengikrirafan jika hendak menilai dari signifikannya berdasarkan sorotan sejarah nasional. Ini mengambil kira faktor isu-isu yang dihadapi, termasuklah soal keterbatasan perundangan dan penguatkuasaan yang boleh dijalankan di samping keperluan mewujudkan ruang informasi yang mencukupi bagi tujuan edukasi kepada umum.

Bermula dengan langkah perlindungan, tindakan pertama kerajaan negeri mahupun pusat adalah untuk mewartakan status monumen sebagai tapak warisan negeri atau kebangsaan membolehkan beberapa peruntukan perundangan dapat diambil. Dalam hal ini, Tugu Peringatan Malaysia mampu dilindungi oleh sejumlah peruntukan undang-undang yang terdiri daripada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Rang Undang-Undang Malaysia, 2006), khasnya dalam Seksyen 23 Bahagian 6 (mengenai daftar warisan kebangsaan) dan Seksyen 24 sehingga 46 Bahagian 7 (mengenai keseluruhan aspek pengurusan tapak warisan) mampu dijalankan. Sekiranya hanya diwartakan sebagai

tapak warisan negeri, monumen tersebut setidak-tidaknya mampu dilindungi oleh Enakmen Warisan Budaya (Pemuliharaan) (Pindaan 2008) (Rang Undang-Undang Negeri Sabah, 2008) dan Enakmen Warisan Negeri (2017) sebagai punca kuasa kepada badan-badan autoriti pengurusan sumber warisan negeri seperti Jabatan Muzium Negeri Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Lembaga Pelancongan Sabah di samping pihak DBKK itu sendiri. Perkara-perkara lain yang boleh dilakukan dalam langkah perlindungan di Tugu Peringatan Malaysia ialah melalui kajian kecacatan dan kemerosotan, pendokumentasian, dan disusuli dengan inisiatif pendidikan warisan kepada komuniti setempat, termasuklah tindakan pemasangan papan tanda yang memaparkan informasi sejarah dan latar belakang di sebalik pembinaan monumen itu.

Melalui langkah pemuliharaan, keterlibatan beberapa agensi dan jabatan berkaitan pengurusan warisan di samping pihak DBKK memerlukan sebuah rangka kerja yang bersesuaian dengan objektif pengurusan sumber warisan di Tugu Peringatan Malaysia. Secara dasarnya, terdapat pelan asas dalam usaha pemuliharaan pada peringkat kebangsaan melalui panduan akta, yang mana pelan tersebut dikenali sebagai Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP). Pelan demikian antara lainnya memerlukan seorang pesuruhjaya yang bertindak sebagai penilai dan penentu kepada aspek-aspek bertujuan perlindungan tapak warisan, seperti penilaian terhadap program-program ekonomi, pengurusan trafik dan penggunaan tanah yang dijalankan di sekeliling tapak (Goh, 2015: 21). Pada akhirnya, bentuk-bentuk operasi pemuliharaan yang dijalankan hendaklah menepati CMP tersebut, dengan kesesuaian dan keperluan semasa monumen itu.

Menerusi langkah pemeliharaan pula, konsistensi dan komitmen daripada pihak-pihak pengurusan sumber warisan amatlah ditagih. tindakan dalam bentuk penyelenggaraan dan pencegahan hendaklah dilakukan agar tempoh usia Tugu Peringatan Malaysia ini dapat dipanjangkan sebaik mungkin. Seperti mana yang disebutkan pada dapatan 2 mengenai risiko kerosakan yang bakal dihadapi akibat tindakan semula jadi atau manusia, pemasangan pagar pada sekeliling monumen tersebut berupaya mengurangkan impak kerosakan akibat kebarangkalian kemalangan kereta yang berlaku, di samping mengurangkan risiko vandalisme terhadap monumen itu oleh segelintir pihak yang nakal dan kurang menghargai signifikan tapak warisan itu.

Kesimpulan

Tugu Peringatan Malaysia merupakan antara salah satu tapak warisan bina yang perlu diangkat dan diiktiraf sebagai tapak warisan negeri ataupun kebangsaan. Perkara ini amatlah penting kerana pembinaan monumen tersebut adalah satu tanda ingatan yang sangat bermakna buat semua rakyat Sabah pelbagai etnik dan kaum, dengan tanggapan bahawa monumen itu ialah satu peringatan terhadap hari 16 September 1963 sebagai hari keramat Sabah menyertai pembentukan Malaysia. Sesungguhnya, signifikan sejarah itulah yang menuntut semua pihak untuk bersama-sama memperjuangkan martabat monumen itu. Kedudukan dan keadaan semasa monumen tersebut pada setakat kajian ini dilakukan dibimbangi akan terdedah kepada pelbagai bentuk kemusnahan, baik ia dirancang mahupun tidak oleh manusia, baik ia terduga atau tidak oleh situasi persekitaran dan faktor semula jadi.

Pada kajian ini juga, pengkaji amatlah berharap agar mesej mengenai pengurusan sumber warisan tidak setakat berlegar pada gelombang makalah dan bicara ahli akademik di institusi pengajian tinggi semata-mata. Seyogia perkara sebegini hendaklah dicapai oleh semua pihak, termasuklah mereka yang berada di bangku sekolah lagi, bahkan berkembang secara informal dalam kalangan masyarakat awam agar kesedaran terhadap pengurusan sumber warisan dapat disampaikan secara inklusif. Pada akhirnya, semua masyarakat di Malaysia akan lebih mengetahui, menghayati dan menghargai setiap tapak warisan yang wujud di persekitaran mereka, termasuklah di kawasan prospek tapak warisan Tugu Peringatan Malaysia ini.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

- Rang Undang-Undang Malaysia. 2006. *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)*. Persuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 dengan Usahasama Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
Rang Undang-Undang Negeri Sabah, 2008. *Enakmen Warisan Budaya (Pemuliharaan) (Pindaan 2008)*. Kota Kinabalu: Jabatan Percetakan Negeri Sabah.

Rang Undang-Undang Negeri Sabah. 1962. *Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (No. 11)*. Kota Kinabalu: Jabatan Percetakan Negeri Sabah.

Rang Undang-Undang Negeri Sabah. 2017. *Enakmen Warisan Negeri Sabah 2017 No. 7 Tahun 2017*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Buku dan Jurnal

- Abdul Samad Hadi. 1990. Kota Kinabalu: Daripada Satu Pengkalan Kepada Pusat Pembangunan Wilayah. *Dalam Abdul Samad Hadi & Sulung Mohammad (Ed.). Pembandaran Dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia – Yayasan Sabah.
- Bala, B. 2018. Satu daripada Tiga Belas: Sabah dan Sarawak dalam Pembentukan Malaysia, 1961-1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 3(2), 13-52.
- Baszley Bee Basrah Bee. 2009. Pengurusan Sumber Warisan. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Cecilia Leong. 1982. *Sabah The First 100 Years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda.
- Danny Wong Tze Ken. 2004. *Community and society*. Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).
- Ensiklopedia Dunia*. 2005. (Terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh, P. S. 2015. *Conservation of Buildings in Malaysia with a Look at the National Heritage Act 2005*. Projek Ilmiah Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Johan M. Padawan. 1981. *Sejarah Sabah Dalam Gambar (1881-1981)*. Kota Kinabalu: Jawatankuasa Penerbitan Perayaan Sabah 100 Tahun.
- King Chui Aik. 1992. *Proses Perancangan Bandar: Satu Kajian Proses Perancangan Kota Kinabalu*. Latihan ilmiah. Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Sabah.
- Stockwell, A. J. 2004. *Malaysia: British Documents on the End of Empire. Series B. Volume 8*. London: TSQ.
- Yazid Salleh. 2010. Pengenalan Pemuliharaan Bandar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin Baco & Bala, B. 2021. Sejarah Pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu, 1881-1962. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 6(1), 1-22.
- Zainuddin Baco. 2014. *Pengurusan Warisan Bina Bandar: Penelitian ke atas Bandaraya Kota Kinabalu*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu:

Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600

Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Tidak Diterbitkan.

Zainuddin Baco. 2018. Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012). *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)*, 2(1), Edisi Khas, 115-134.

Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2015. Pelancongan Berasaskan Warisan di Malaysia: Potensi dan Cabaran. *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekutaran. Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi, Kedah*. 21-22 September 2015.

Laman Sesawang

Asnida Riani. 2015. Kota Kinabalu, Pesona ‘Wajah’ Malaysia di Tanah Borneo. *Fimela.com*. Dipetik dari <https://www.fimela.com/lifestyle/read/2302481/kota-kinabalu-pesona-wajah-malaysia-di-tanah-borneo>. Dicetak pada 12 Jun 2023.

Australian Memorial War. t. th. Dipetik dari <http://www.awm.gov.au>. Dicetak pada 12 Jun 2023.

Daily Express. 2022. Malaysia monument gift by the Chinese. 23 April. Dipetik dari <https://www.dailyexpress.com.my/read/4729/malaysia-monument-gift-by-the-chinese/>. Dicetak 26 November 2022.

Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu. 2017. Dipetik dari <https://dbkk.sabah.gov.my/index.php/en/>. Dicetak 26 November 2022.

Jabatan Penerangan Malaysia. t. th. Dipetik dari <http://www.penerangan.gov.my>. Dilayari pada 12 Jun 2023.

Kota Kinabalu. 2010. *Encyclopedia Britannica*. Dipetik dari <https://www.britannica.com/place/Kota-Kinabalu>. Dicetak pada 12 Jun 2023.